

16 NOV 1998

APEC-BERITA-SINGAPURA

APEC TIDAK PERNAH DIKUASAI OLEH SEORANG PEMIMPIN - GOH

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata hari ini Apec ialah mengenai penyertaan 21 negara dan ia tidak pernah dikuasai oleh seorang pemimpin.

"Yang diambil kira ialah kualiti idea-idea," katanya kepada pemberita selepas perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menjawab soalan sama ada ketidak hadiran Presiden AS, Bill Clinton akan mengurangkan signifikan sidang kemuncak Apec.

Clinton mengambil keputusan untuk berada di dalam negara untuk menguruskan krisis Iraq.

Naib Presiden Al Gore akan menggantikan Clinton pada sidang kemuncak itu.

"Sudah tentu sestengah pemimpin adalah lebih "charismatic" dan akhbar lebih berminat kepada mereka."

"Yang jelas, apabila kami duduk (untuk berbincang), kami adalah sama," kata Goh.

Goh bertemu dengan Dr Mahathir sebagai acara sampingan kepada sidanmg kemuncak pemimpin Apec mulai esok.

-- BERNAMA

RA AAM WAT